"Ini harus dimengerti dan saya percaya selepas peluncuran PTKL 2040 ini, bukan sahaja pegawai dan pimpinan politik, tetapi korporat serta pengusaha utama dalam membangunkan (Kuala Lumpur) harus mengambil kira (pendekatan ini)," katanya ketika melancarkan PTKL 2040 di sini, semalam.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming; Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif.

PTKL 2040 yang berkuat kuasa mulai 11 Jun lalu adalah dokumen perancangan pembangunan

yang akan menjadi panduan utama kepada hala tuju pembangunan fizikal bandar raya Kuala Lumpur bagi tempoh 15 tahun akan datang.

Tingkat kualiti hidup

Ia dirangka bagi memperincikan dasar yang digariskan dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040), dengan memberi fokus kepada beberapa aspek utama, iaitu kawalan perancangan guna tanah, intensiti pembangunan, kawalan ke atas aktiviti di setiap lot tanah, perancangan infrastruktur, pemuliharaan alam sekitar dan peningkatan kualiti hidup warga kota.

Perdana Menteri berkata, PTKL 2040 bukan rancangan untuk membangunkan kota yang baharu kerana Kuala Lumpur sudah lama dibina dan keadaan sedia ada sudah terikat dengan beberapa struktur yang tidak mungkin dipinda, menyebabkan ia jauh lebih sukar.

Bagaimanapun, bandar raya ini harus dibangunkan mengikut keperluan semasa, dengan perancangan yang lebih tersusun dan mengikut tatakeloa.

"Jangan andaikan peluncuran ini bermakna membangunkan

KAWALAN PEMBANGUNAN

INSENTIF NISBAH PLOT PTKL2040

Tambahan luas lantai yang dipertimbangkan kepada pembangunan yang memenuhi syarat kelayakan



Tujuan

1. Meningkatkan kawasan usang/ rundown kepada pembangunan yang lebih berkualiti dan budaya huni.
2. Menggalakkan pembangunan yang boleh memberi nilai tambah dan menyumbang ke arah peningkatan kualiti persekitaran alam bina dan kemampunan bandar.
3. Menggalakkan penyediaan infrastruktur dan utiliti yang lebih selesa.
4. Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.
5. Meningkatkan penyediaan rumah mampu milik.

Infografik BH

satu imej baharu Kuala Lumpur. Ya, daya upaya terbatas kepada kerangka lama, yang tidak semestinya memenuhi maksud dan keperluan kita kerana kerana Kuala Lumpur ini tidak dibina sebagai kota yang tersusun dan moden kerana ia mengikut masa.

"Pelan itu kadang-kadang cacamerba, perumahan dibangunkan tanpa mengambil kira soal keselesaan, padang dan bangunan dibina tanpa mengambil kira kesesakan yang menghimpit jalan.

"Bukan semua yang berlaku dulu itu salah kerana ia dirancang mengikut perkembangan masa, tidak dirancang seperti sa-

tu pelan struktur yang tersusun, jadi itu kita ambil kira," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, PTKL 2040 juga memberi keutamaan kepada pengangkutan awam, dengan beberapa projek baharu dikenal pasti di bawah Kementerian Pengangkutan bagi memastikan ia menjadi tulang belakang Kuala Lumpur yang memberikan jaminan penyelesaian.

"Selain itu, soal peralihan tenaga, yang mana perumahan baharu mesti sebahagian besarnya menggunakan solar bagi menjamin kelestarian bandar raya," katanya.



Saifuddin Nasution berucap pada majlis perasmian Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan dan SOMTC kali ke-25 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

ASEAN perlu segera perangi jenayah siber

Negara anggota diminta perkukuh keupayaan perundangan, risikan dan penguatkuasaan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: ASEAN perlu bertindak segera bagi membendung jenayah siber, kewangan dan serangan *ransomware* yang kini menjadi ancaman keselamatan mendesak di rantau ini.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata cabaran terbabit bukan lagi isu masa depan, tetapi ancaman yang menuntut kesepaduan, keberanian dan kerjasama strategik bagi menjamin keselamatan serantau.

"Dalam era digital yang serba pantas ini, ASEAN mesti bertindak proaktif dengan memperkukuh keupayaan perundangan, risikan serta penguatkuasaan melalui teknologi terkini, termasuk penggunaan kecerdasan buatan (AI) secara bertanggungjawab.

"Kemajuan teknologi perlu seiring dengan langkah keselamatan siber yang komprehensif, namun teknologi semata-mata tidak memadai, sebaliknya kepercayaan, perkongsian maklumat dan pembinaan keupayaan bersama adalah kekuatan sebenar tindak balas kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan dan Me-

syuarat-Mesyuarat Berkaitan (SOMTC) kali ke-25 di sini, semalam.

Komited bekerjasama

Saifuddin berkata, Malaysia kekal komited bekerjasama dengan rakan ASEAN bagi memerangi jenayah rentas sempadan sejajar matlamat bersama, iaitu keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau.

"Seperti diungkapkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, tanpa keselamatan, tiada kemakmuran dan tanpa keamanan, tiada kemajuan yang bermakna.

"Semangat muafakat inilah yang membantu ASEAN menghadapi pelbagai cabaran dan semangat inilah juga yang mesti terus memandu kita dalam menghadapi ancaman jenayah rentas sempadan yang semakin meningkat dan kompleks," katanya.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan, Malaysia akan terus mendukung prinsip teras ASEAN yang mementingkan kesederhanaan dan perpaduan terutama dalam landskap global yang semakin mendesak akibat ketegangan geopolitik.

"Kami percaya dengan tidak memihak kepada mana-mana pihak bukanlah sikap pasif, sebaliknya satu strategi berprinsip yang melindungi kredibiliti kolektif, memelihara kedaulatan dan memperkukuh kesatuan kita.

"Jadi, kita mesti pastikan komitmen kepada konsensus disertai dengan keberanian untuk bertindak, keberanian untuk berdepan ancaman baharu dan hibrid, keberanian untuk membaik pulih mekanisme usang, keberanian untuk membuat keputusan dasar demi keselamatan dan maruah rakyat kita," katanya.

Ibadat & Faidat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Seorang mukmin terkena debu ketika jihad, dia tidak akan pernah terkena asap neraka jahanam. Sifat kedekat dan iman tidak akan dapat berkumpul dalam hati seorang hamba mukmin."
(HIR Nasa'1)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:50	1:24	4:50	7:37	8:54
Alor Setar	5:52	1:23	4:50	7:37	8:53
P. Pinang	5:54	1:24	4:50	7:36	8:52
Ipoh	5:53	1:21	4:48	7:32	8:48
Kuala Lumpur	5:53	1:19	4:45	7:28	8:43
Shah Alam	5:53	1:19	4:45	7:28	8:43
Johor Bahru	5:47	1:10	4:35	7:16	8:31
Kuantan	5:47	1:13	4:39	7:21	8:37
Seremban	5:53	1:17	4:43	7:25	8:40
Bandar Melaka	5:52	1:16	4:42	7:23	8:38
Kota Bharu	5:45	1:16	4:42	7:29	8:41
K. Terengganu	5:42	1:12	4:38	7:24	8:40
Kota Kinabalu	4:50	12:21	3:47	6:33	7:49
Kuching	5:22	12:45	4:10	6:51	8:06

Keputusan STPM 2024

Prestasi terbaik dalam sejarah

PNGK nasional catat 2.85, 1,266 calon dapat 4.00

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keputusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2024 mencatatkan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) nasional 2.85, tertinggi sejak pe-

periksaan itu dilaksanakan.

Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff, berkata angka itu adalah peningkatan 0.01 mata daripada 2.84 yang direkod pada tahun sebelumnya.

Beliau berkata, prestasi keseluruhan calon turut membebangsangkan dengan seramai 1,266 calon atau 3.06 peratus mendapat PNGK 4.00 berbanding 1,116 calon pada 2023.

"Dari segi pencapaian PNGK calon, secara keseluruhan didapati bilangan longgokan dan peratusan longgokan calon STPM 2024 pada PNGK 3.75, PNGK 3.00,

2025 | SELASA | 11.30 PAGI
R, MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



Md Amin pada Majlis Pengumuman Keputusan Peperiksaan STPM 2024 dan Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Terbaik STPM, MUET dan SKBMW di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Saifullizan Tamadi/BH)

PNGK 2.75 dan PNGK 2.00 meningkat berbanding 2023.

"Dengan peningkatan bilangan calon pada PNGK, maka insya-Allah lebih ramai calon lepasan STPM 2024 diterima masuk ke universiti awam," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pengumuman Keputusan Peperiksaan STPM 2024 dan Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Terbaik STPM, MUET dan Sijil Kecekapan Bahasa Melayu Bagi Warga Asing (SKBMW) di Dewan Besar MPM,

di sini semalam.

Prestasi meningkat

Md Amin berkata, prestasi calon STPM 2024 yang mendapat 5A dan 4A bagi setiap mata pelajaran turut meningkat.

Katanya, 53 calon mendapat 5A dalam kelima-lima mata pelajaran, berbanding 41 calon pada STPM 2023, manakala bilangan calon yang mendapat 4A turut meningkat daripada 1,087 calon pada 2023 kepada 1,228 calon.

"Peratusan calon STPM 2024 yang mendapat lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran berbanding SPM 2023 meningkat sedikit iaitu sebanyak 0.70 peratus atau 201 calon, iaitu daripada 75.85 peratus atau 31,516 calon pada 2023 kepada 76.55 peratus atau 31,717 calon pada 2024," katanya.

Mengenai prestasi 23 mata pelajaran, Md Amin berkata, ia merekodkan peratusan lulus penuh melebihi 60 peratus, iaitu bagi gred C dan ke atas.

BERITA HARIAN
25 JUN 2025
Tarikh.....

Isu GST dan SST perlu dibincang berasas fakta, bukan retorik populis

BH 25/6



Oleh Dr Norhisam Bulot
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan,
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan
Universiti Teknologi
MARA (UTIM) Perlis

Dalam iklim demokrasi moden, keperluan memerdekan dasar kerajaan daripada cengkaman politik menjadi semakin mendesak, khususnya apabila ia membabitkan kesan langsung kepada kehidupan rakyat serta struktur ekonomi negara.

Apabila dasar awam dibentuk bukan atas pertimbangan fakta dan kepentingan nasional, tetapi lebih kerana tekanan politik atau keperluan populis, ia akan merosakkan kestabilan pentadbiran serta melemahkan kepercayaan rakyat terhadap institusi kerajaan.

Antara contoh nyata membelenggu negara adalah perdebatan berpanjangan mengenai sistem percukaian Malaysia, iaitu antara Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Malaysia sudah melalui perubahan drastik dalam sistem percukaian dalam tempoh singkat, kurang satu dekad. GST diperkenalkan pada April 2015 sebagai satu bentuk cukai penggunaan moden lebih menyeluruh, telus dan cekap.

Matlamat utamanya adalah memperkukuh hasil negara secara mampan, mengurangkan keberangan-tungan kepada hasil minyak dan menangani ekonomi gelap tidak dikenakan cukai. Namun, selepas pertukaran kerajaan pada 2018, GST di-mansuhkan dan digantikan semula dengan SST.

Alasan utama dikemukakan adalah mahu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat meskipun banyak pakar ekonomi ketika itu mempersoalkan sama ada langkah itu benar-benar memberi kesan signifikan kepada pengguna atau

sekadar satu strategi politik.

Kini cadangan mengembalikan semula GST atau memperluaskan skop SST kembali muncul dalam wacana kebangsaan. Malangnya, perbincangan mengenai isu ini masih dibayangi kepentingan politik, bukan penilaian objektif berdasarkan data fiskal, kecekapan kutipan cukai atau manfaat jangka panjang kepada ekonomi negara.

Rakyat mahu dasar adil, stabil

Kekerapan perubahan dasar seperti ini menjejaskan keyakinan pelabur dan mewujudkan ketidakpastian dalam kalangan komuniti perniagaan. Sementara itu, dalam kalangan rakyat, kekeliruan timbul terhadap istilah teknikal seperti GST dan SST sering dieksploitasi untuk meraih sokongan politik.

Lebih penting bagi rakyat sebenarnya bukan nama sistem percukaian itu tetapi kesannya terhadap harga barang dan kos sara hidup. Mereka mahukan dasar adil, stabil dan tidak membebankan.

Namun, dalam suasana sarat dengan mainan persepsi dan sentimen partisan, ahli politik sering memanipulasi ketakutan dan kejahilan fiskal rakyat untuk meraih keuntungan jangka pendek. Akibatnya, dasar penting seperti percukaian menjadi mangsa percaturan politik.

Apabila dasar sedemikian tidak dimerdekakan daripada kepentingan politik, ia bukan sahaja mencemarkan objektiviti pentadbiran malah melebakkan jurang kepercayaan antara rakyat dan institusi negara.

Memerdekan dasar negara bermaksud meletakkan kepentingan rakyat, prinsip integriti serta rasional ekonomi sebagai tunjang utama dalam pembentukan dasar awam.

Dalam konteks percukaian seperti GST atau SST,

penilaian sewajarnya perlu dibuat secara objektif oleh badan profesional bebas, berasaskan bukti empirikal, data fiskal serta pandangan pelbagai pihak berkepentingan.

Pendekatan ini harus disokong dengan pendidikan fiskal menyeluruh kepada rakyat supaya mereka memahami rasional dan impak sebenar sesuatu dasar, bukan sekadar menilainya melalui lensa retorik politik.

Pada masa sama, memerdekan dasar juga bererti menjamin kestabilan dan konsistensi dalam perancangan jangka panjang.

Dasar awam tidak seharusnya berubah mengikut musim pilihan raya atau tekanan populis, sebaliknya perlu kekal adil, telus dan berasaskan keperluan sebenar negara.

Dalam hal ini, kerajaan perlu menunjukkan keberanian melaksanakan dasar mungkin kurang popular dalam jangka pendek tetapi membawa manfaat besar dalam jangka panjang.

Keputusan berasaskan fakta dan kepentingan nasional, bukannya semata-mata demi meraih undi, sebaliknya ia lambang kematangan pentadbiran serta kekuatan demokrasi sesebuah negara.

Malaysia memerlukan anjakan paradigma dalam pendekatan terhadap dasar awam. Isu seperti GST dan SST perlu dijadikan contoh bagaimana kita boleh mengangkat martabat perbincangan dasar negara daripada polemik politik kepada proses berteraskan fakta, profesionalisme dan kepentingan nasional.

Dengan memerdekan dasar negara daripada pengaruh politik sempit, kita bukan sahaja memperkukuh sistem pentadbiran dan fiskal negara, malah menyemai kepercayaan baharu antara rakyat dan pemerintah. Kepercayaan ini amat penting untuk kelangsungan demokrasi dan pembangunan mampan.

BERITA HARIAN
25 JUN 2025
Tarikh.....

Guna sistem kawalan AI kesan vape berisi dadah menerusi kurier

Oleh NURAINA HANIS

ABD. HALIM

hanis.halim@mediamula.com.my

UM

25/6

PETALING JAYA: Sistem kawalan berteknologi kecerdasan buatan (AI) perlu dilaksanakan secara menyeluruh bagi mengesan penyeludupan dadah melalui penghantaran kurier.

Ini susulan siasatan mendapati sindiket dadah vape berisi cecair kokain yang ditumpaskan pada 19 Jun lalu dipercayai dalam perjalanan ke syarikat penerbangan kurier bagi menyeludup dadah tersebut untuk pasaran antarabangsa.

Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Mat Zani @ Mohd. Salahuddin Che Ali berkata, pemeriksaan yang lebih ketat dan efisien perlu diperkukuh di semua peringkat termasuk lapangan terbang dan



MAT Zani @ Mohd Salahuddin Che Ali (tengah) menunjukkan cecair vape mengandungi dadah kokain yang dirampas dalam Op Ironwood pada sidang akhbar di Bukit Aman, Kuala Lumpur, kelmarin. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

syarikat kurier bagi menangani percubaan seumpama itu.

"Pemeriksaan yang ketat

dan lebih efisien dengan sistem kawalan keselamatan berasaskan teknologi AI perlu

dilaksanakan agar percubaan menyeludup dadah dalam bentuk cecair seperti ini dapat dikesan lebih awal," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Beliau berkata, siasatan mendapati sindiket itu hanya mengambil risiko dengan menghantar dadah keluar dari Malaysia sebagai transit dan tidak bertujuan mencabar sistem keselamatan negara.

"Siasatan kami mendapati sindiket ini menjadikan Malaysia sebagai negara transit untuk mengelak daripada dikesan. Namun mereka gagal kerana JSJN lebih cekap.

"Mereka ambil risiko dan cuba nasib. Sindiket ini mengambil kesempatan terhadap perkembangan industri vape dengan mencipta cecair yang lebih eksklusif.

"Ini adalah kali pertama mereka mencuba dan terus gagal,"

katanya.

Mengenai keputusan analisis makmal terhadap kandungan cecair dalam katrij vape, Mat Zani berkata, keputusan itu masih belum diperoleh pihaknya namun beliau percaya ia mengandungi dadah berbahaya itu hasil soal siasat ke atas suspek.

Kelmarin, media melaporkan polis menumpaskan sindiket dadah antarabangsa yang dikesan menyewa unit kondominium untuk membungkus semula cecair mengandungi kokain ke dalam katrij vape.

Ia melibatkan nilai rampasan mencecah nilai RM7.2 juta.

Kegiatan sindiket itu terbongkar selepas polis menahan empat suspek membabitkan tiga warga Singapura dan seorang lelaki tempatan, dalam serbuan di lorong berhampiran sebuah hotel di Ampang Jaya, Selangor pada 19 Jun lalu.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ...25 JUN 2025.....

305,000 lagi rumah mampu milik di KL menjelang 2040

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
norizati.isa@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Sebanyak 305,000 unit rumah mampu milik disasarkan untuk dibina di ibu negara menjelang tahun 2040 bagi memastikan golongan B40 dan M40 dapat memiliki kediaman di ibu negara.

Sasaran itu adalah antara teras utama Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL 2040) dalam memastikan keseimbangan antara kemajuan ekonomi bandar dan kebajikan rakyat serta usaha menyantuni majoriti rakyat, khususnya golongan B40 dan M40.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr. Maimunah Mohd Sharif berkata, perumahan mampu milik adalah keutamaan dalam PTKL 2040. Kita tidak mahu Kuala Lumpur hanya menjadi bandar untuk golongan elit.

"Sasaran rumah mampu milik ini penting bagi memastikan rakyat biasa juga dapat terus tinggal, bekerja dan menikmati kemudahan di ibu kota," katanya dalam ucapan Majlis Peluncuran PTKL 2040 di sini, semalam.

Majlis dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Pengenalan Zon Kediaman 4 (R4) adalah bagi menyokong pembangunan residensi Madani dan membentuk komuniti bandar yang lebih inklusif serta lestari.



ANWAR Ibrahim diiringi Maimunah Mohd. Sharif (kanan) ketika melawat reruai pameran pada Majlis Peluncuran Pelan Tempatan Kuala Lumpur (PTKL) 2040 di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

PTKL 2040 menyasarkan kewujudan 1.2 juta peluang pekerjaan melalui penyediaan 74 juta meter persegi ruang niaga di ibu negara menjelang 2040.

Ia turut memberi tumpuan kepada pembangunan semula perumahan awam yang uzur dan tidak memenuhi standard persekitaran moden.

Sementara itu Anwar berkata, konsep pembangunan bandar perlu berteraskan nilai manusiawi menerusi pendekatan yang lebih terangkum dan relevan dengan keperluan semasa.

Katanya, perancangan pembangunan tidak lagi boleh bersifat eksklusif atau hanya men-

utamakan kelompok tertentu, sebaliknya mesti mengambil kira pemikiran serta keperluan baharu masyarakat bandar, khususnya melibatkan perumahan rakyat dan keselesaan peniaga kecil.

"PTKL 2040 dilancarkan selepas beberapa tahun tertangguh akibat pandemik Covid-19. Tetapi, selepas kerajaan Madani ambil alih, kita usulkan rombak secara besar-besaran.

"PTKL 2040 adalah dokumen paling komprehensif dan lengkap dalam sejarah yang pernah kita hasilkan. Ia bukan sekadar pelan struktur, tetapi meletakkan prinsip manusiawi

sebagai asas pembangunan bandar," katanya.

Anwar berkata, antara penekanan utama dalam pelan itu termasuk isu rumah mampu milik, pengangkutan awam, peralihan tenaga melalui penggunaan solar, dan cadangan pembangunan sekolah vertikal di kawasan bandar padat.

Katanya, pembinaan rumah baharu pada masa akan datang juga perlu memenuhi syarat mesra alam dengan sistem tenaga solar sebagai langkah ke arah kelestarian.

"Kita mahu bangunan tinggi bukan sahaja menempatkan rumah, tetapi juga sekolah dan tadika. Ini bukan sahaja menjimatkan kos, tetapi memberi kemudahan kepada ibu bapa dan anak-anak.

"Ini bukan hanya menjimatkan bil elektrik rakyat, tetapi juga pelaburan kepada masa depan negara," katanya.

Anwar berkata, negara tidak boleh terus membangunkan bandar berdasarkan kerangka lama yang tidak fleksibel.

"Banyak projek diluluskan tanpa mempertimbang kesan kepada rakyat. Saya (dulu) pernah tinggal di Segambut dan tertanya-tanya (bagaimana) pembangunan perumahan besar boleh diluluskan begitu sahaja," katanya.

Perdana Menteri berkata, kini Malaysia perlu merancang dengan lebih berhati-hati agar kesilapan lama tidak diulang.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 25 JUN 2025

STPM 2024: 1,266 calon dapat PNGK 4.00

UM
25/6

Dari muka 1

Seramai 41,422 atau 99.97 peratus calon layak mendapat sijil daripada 41,434 calon berdaftar.

Sementara itu, kesemua 23 mata pelajaran yang ditawarkan dalam STPM 2024 mencatatkan peratusan lulus penuh melebihi 60 peratus, iaitu gred C dan ke atas.

Empat mata pelajaran menunjukkan peningkatan melebihi tiga peratus daripada segi prestasi Lulus Penuh berbanding prestasi pada 2023, iaitu mata pelajaran ekonomi, kimia, matematik dan perakaunan.

“Tiada mata pelajaran menunjukkan penurunan melebihi negatif tiga peratus. Sebanyak 19 mata pelajaran STPM lain tidak berubah prestasinya kerana beza peratusan calon yang Lulus Penuh antara 2024 dan

2023 adalah kurang daripada tiga peratus,” katanya pada Majlis Pengumuman Keputusan Peperiksaan STPM 2024 dan Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Terbaik STPM, MUET dan Sijil Kecekapan Bahasa Melayu Bagi Warga Asing (SK-BMW) di Dewan Besar MPM, di sini, semalam. Yang turut hadir, Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Azman Adnan dan Ketua Eksekutif MPM, Badrul Hisham Abdullah.

Md. Amin yang juga Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berkata, prestasi calon STPM 2024 yang mendapat 5A dan 4A bagi setiap mata pelajaran turut meningkat.

Pada tahun 2024, bilangan calon mendapat 5A dalam kelima-lima mata pelajaran diambil meningkat.

Pelajar yang mendapat 5A dalam kelima-lima mata pelajaran diambil meningkat kepada

53 calon, berbanding 41 calon pada STPM 2023.

“Bilangan calon yang mendapat 4A turut meningkat daripada 1,087 calon pada 2023 kepada 1,228 calon.

“Peratusan calon STPM 2024 yang mendapat lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran berbanding SPM 2023 meningkat sedikit iaitu sebanyak 0.70 peratus atau 201 calon, iaitu daripada 75.85 peratus atau 31,516 calon pada 2023 kepada 76.55 peratus atau 31,717 calon pada 2024,” katanya.

Menyentuh prestasi 23 mata pelajaran yang ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2024, Md. Amin berkata, ia merekodkan peratusan lulus penuh melebihi 60 peratus, iaitu bagi gred C dan ke atas.

Katanya, empat mata pelajaran iaitu Ekonomi, Kimia, Matematik dan Perakaunan menunjukkan peningkatan me-

lebih tiga peratus daripada segi lulus penuh berbanding prestasi pada 2023.

Analisis turut menunjukkan tiada mata pelajaran menunjukkan penurunan melebihi negatif tiga peratus.

Md. Amin turut memberitahu, daripada segi kehadiran mengikut aliran, bilangan calon Sains Sosial yang hadir adalah seramai 38,869 atau 93.81 peratus, manakala bilangan kehadiran calon aliran Sains adalah 2,656 calon atau 6.19 peratus.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memberitahu, seramai 42,861 calon mendaftar bagi STPM 2024, berbanding 42,908 calon yang mendaftar pada tahun lalu.

Daripada jumlah itu, sebanyak 96.67 peratus atau 41,434 calon hadir menduduki peperiksaan pada ketiga-tiga semester.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ...25 JUN 2025.....

PM UNVEILS REVAMPED KL LOCAL PLAN 2040

Public transport and addressing traffic congestion to be accorded priority

QISTINA SALLEHUDDIN
KUALA LUMPUR
qistina.sallehuddin@nst.com.my

THE Kuala Lumpur Local Plan 2040 (PTKL2040), which has been delayed due to the Covid-19 pandemic, has undergone a major overhaul.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said this was to ensure the plan was inclusive, holistic and aligned with evolving needs.

"Our approach must prioritise the majority of the people, who are still in the Bottom 40 and Middle 40 categories," he said at the launch of PTKL2040.

"It is too often that urban development sidelines the needs of the wider population, with all the facilities centred around more affluent groups."

Anwar said PTKL2040 would cover digitalisation, artificial intelligence and public housing.

The plan, rebranded from the Kuala Lumpur Draft City Plan 2020, introduces new measures such as redevelopment incentives, flexible plot ratio controls and revised land use zones to boost the urban community's wellbeing.

"We are working in an existing context, bound by old structures that, in many cases, cannot be altered, making the task more difficult."

"Therefore, we should not assume that this launch signifies the creation of a completely new image for Kuala Lumpur."

Anwar said that while KL was originally developed as a structured and modern city, over time, some plans became disorganised as projects were approved without consideration for sustainability. He said this reflected issues of governance.

"We may have plans, and these plans should help lay down key foundations, but sound approvals and adherence to existing regulations must support them. Otherwise, we risk repeating the same chaos."

Anwar added that public trans-

port and addressing traffic congestion would be prioritised under PTKL2040.

"We will make decisions that favour the majority, and that is why I have said that several new projects have been identified under the Transport Ministry to ensure that public transport becomes the backbone of the city."

He said as part of the energy transition, new housing developments would be required to incorporate solar energy to a significant extent.

"This is a new condition not previously included in our regulations or legislation."

"This will help ensure the city's sustainability going forward."



Datuk Seri Anwar Ibrahim

KUALA LUMPUR LOCAL PLAN 2040

GOAL 1 – An innovative and productive city

- Adoption of smart city elements
- Upgrading digital and manufacturing infrastructure
- Attracting domestic and international investors
- Promoting efficient and sustainable transport networks

GOAL 2 – An inclusive, equitable and liveable city

- Ensuring an adequate supply of affordable housing
- Providing integrated, sufficient and high-quality community facilities
- Upgrading old housing areas
- Developing community hubs for local residents

GOAL 3 – A green, healthy and vibrant city

- Preserving and conserving the environment and natural resources
- Expanding green spaces through connected open areas
- Providing public facilities that promote a healthy urban lifestyle
- Planning cultural, artistic and heritage-related activities

GOAL 4 – A climate-smart and low-carbon city

- Emphasising clean and renewable energy systems
- Strengthening energy-efficient, low-carbon buildings
- Adopting green transportation
- Boosting awareness on low-carbon practices and climate change

GOAL 5 – Efficient and environmentally friendly mobility

- Developing a comprehensive, integrated transport system
- Strengthening rail and road networks
- Reducing dependence on private vehicles
- Prioritising road space for pedestrians and cyclists

GOAL 6 – Integrated and sustainable development

- Emphasising transit-oriented development
- Creating shared spaces with diverse activities
- Optimising land and space use
- Conserving heritage assets



NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 25 JUN 2025



OPENING CEREMONY OF 25TH ASEAN SENIOR OFFICIALS MEETING ON TRANSNATIONAL CRIME (SOMTC) AND ITS RELATED MEETINGS



Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (second from right) at the opening of the 25th Asean Senior Officials Meeting on Transnational Crime and Related Meetings in Putrajaya yesterday. With him is Home Ministry secretary-general Datuk Awang Alik Jeman (second from left). BERNAMA PIC

STRATEGIC COOPERATION

'ASEAN MUST SWIFTLY CURB SECURITY THREATS'

Boost tech capability to address cyber and financial crimes, ransomware attacks, says Saifuddin

NST
25/6

MOHD ISKANDAR IBRAHIM
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

ASEAN needs to act swiftly to curb cybercrime, financial crimes and ransomware attacks, which are becoming pressing security threats in the region.

Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail said these were immediate threats that demand unity, courage and strategic cooperation to ensure regional security.

"In this fast-paced digital era, Asean must act proactively by strengthening legal, intelligence

and enforcement capabilities through the latest technology, including the responsible use of artificial intelligence.

"Technological advancements must go hand-in-hand with comprehensive cybersecurity measures.

"However, technology alone is not enough. Trust, information sharing and joint capacity building will be the true strengths of our response," he said in his opening speech at the 25th Asean Senior Officials Meeting on Transnational Crime and Related Meetings here.

Present was Home Ministry secretary-general Datuk Awang Alik Jeman.

Saifuddin reiterated Malaysia's commitment to collaborating with Asean partners in combating transnational crime, aligning with the shared goals of regional peace, stability and prosperity.

"As Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said, without security, there is no prosperity, and

without peace, there is no meaningful progress.

"It is this spirit of consensus that has helped Asean face various challenges and it must continue to guide us in confronting increasingly complex and escalating transnational crime threats."

He said Malaysia would continue to uphold Asean's core principles of moderation and unity, especially in the present global landscape that is increasingly pressured by geopolitical tensions.

"We believe that not taking sides is not a passive stance, but a principled strategy that protects collective credibility, preserves sovereignty and strengthens our unity.

"Therefore, we must ensure that commitment to consensus is accompanied by the courage to act, the courage to confront new and hybrid threats, the courage to reform outdated mechanisms and the courage to make bold policy decisions for the safety and dignity of our people."

Kuala Lumpur Local Plan 2040 launched

SUN
25/6

KUALA LUMPUR: The launch of the Kuala Lumpur Local Plan 2040 yesterday marks the start of a major revamp of the capital's development strategy, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Describing the plan as the most comprehensive one in Kuala Lumpur City Hall's history, Anwar said it goes beyond physical redevelopment, signalling a deeper philosophical and strategic shift to build a more humane, inclusive and equitable city for all.

He said the plan incorporates fresh thinking and advanced technologies, including digital innovation and artificial intelligence, particularly in public housing development.

"We're not building a new city like Putrajaya. We're working within the constraints of existing, immovable structures, which makes the task far more challenging.

"So, let's not assume that the launch of this plan is about reinventing Kuala Lumpur's image from scratch. We are operating within an old framework that may not fully meet our aspirations or needs," he said at the launch.

Also present were the prime minister's wife and Bandar Tun Razak MP Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil, Housing and Local Government Minister Nga Kor Ming, Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar and Kuala Lumpur Mayor Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif.

Anwar said modern urban development is not only about new construction but also about addressing legacy issues, including disorganised planning, ad hoc housing approvals and weak governance.

Acknowledging that the plan had been delayed, largely due to the Covid-19 pandemic, he said the Madani government has since undertaken a thorough review and recalibration to ensure Kuala Lumpur's growth is sustainable and inclusive.

He said the delay was also due to the need for wide stakeholder engagement, including residents and businesses, to ensure that all voices were reflected in the plan, Bernama reported.

Anwar underlined that future urban development must prioritise the B40 and

➤ Blueprint goes beyond physical redevelopment, signalling deeper philosophical and strategic shift to build a more humane, inclusive and equitable city for all: PM



Anwar, accompanied by (from left) Maimunah, Zaliha, Wan Azizah and Nga, launching the plan in Kuala Lumpur yesterday. - BERNAMAPIC

M40 groups who have historically been left behind while the benefits of progress remained concentrated among the elite.

He admitted there has been pushback from privileged quarters over the redesign of public housing, but affirmed that the government would not waver in defending the interests of the marginalised.

"Too often, the needs of ordinary people are treated as an afterthought. Facilities are built where people already live in comfort. It's not wrong, but it is unbalanced.

"I always say development must be humane. That means making space for hawker stalls, *warung* operators and small eateries frequented by 80% of the population."

Anwar said urban growth must encompass a complete and sustainable

ecosystem, integrating education, healthcare, childcare centres and public transport.

He cited the concept of vertical schools - compact, multi-storey institutions prioritising safety, efficient design and access to nearby essential services - as an example of this integrated approach.

Anwar said the Kuala Lumpur Local Plan 2040 translates this long-term vision into actionable strategy, strengthening Kuala Lumpur's planning framework in line with the sustainability agenda and the guiding principle of "A City for All".

The plan will serve as Kuala Lumpur City Hall's key reference in evaluating development proposals, managing approvals and charting the city's growth path.

THE SUN
25 JUN 2025
Tarikh: